

Pemberian kontrak kepada syarikat suami Hannah Yeoh

'Biar pihak berkuasa siasat'

Pemberian kontrak secara langsung cetus keraguan babit integriti, ketelusan

Oleh Nuradzimmah Daim dan Aliza Shah
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan berhubung isu pemberian kontrak Projek Rintis Demand Responsive Transit (DRT) oleh Kerajaan Selangor kepada syarikat milik bersama suami Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh,

“Kalau ada laporan, (kena) ada siasatan dan patut ada penjelasan tentang prosesnya.

“(Proses) itu harus dianggap sebagai kes biasa yang patut diasasat,” katanya ringkas pada Forum Global mengenai Ekonomi dan Kewangan Islam di sini, semalam.

Minggu lalu, EXCO Selangor,



Ng Sze berkata, Asia Mobility Technologies Sdn Bhd adalah satu daripada dua syarikat yang dipilih untuk projek perintis DRT dan sudah mendapat kelulusan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).

Suami Hannah, Ramachandran Muniandy adalah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Asia Mobility.

Semalam, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki memaklumkan pihaknya tidak melihat sebarang kaitan dalam pemberian kontrak Projek Rintis DRT oleh kerajaan negeri Selangor itu dengan Menteri Belia dan Sukan.

Beliau berkata, sekiranya satu kontrak yang tiada kena mengena dengan tugas (pihak yang dibangkitkan) maka ia bukanlah satu kesalahan, melainkan jika Kementerian Belia dan Sukan yang diterajui Hannah yang

memberi kontrak itu kepada syarikat terbabit.

Maklumkan kepada SPRM

Sementara itu, Presiden Pemahati Rasuah Malaysia (MCW), Jais Abdul Karim bersetuju dengan kenyataan SPRM berhubung isu melingkari Menteri Belia dan Sukan itu.

“MCW masih mencari mana-mana peraturan atau undang-undang yang dilanggar (dalam pemberian kontrak DRT) memandangkan Hannah tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam kerajaan Selangor,” katanya.

Bagaimanapun Jais berkata, timbul keraguan berhubung pemberian kontrak secara langsung kerana Pakatan Harapan (PH) sebelum ini berjanji untuk mengelak amalan itu membabit-

kan projek kerajaan bagi menegakkan integriti dan ketelusan.

Beliau juga menyokong gesaan supaya ahli keluarga ahli politik dan pegawai berkaitan kerajaan memaklumkan kepada SPRM sekiranya mereka mendapat projek kerajaan.

“Saya percaya ini langkah wajar dan perlu kerana ia boleh meningkatkan ketelusan dan integriti dalam pentadbiran awam.

“Selain itu, ia juga akan membantu mengurangkan risiko konflik kepentingan dan memastikan setiap transaksi dijalankan dengan penuh tanggungjawab.

“MCW yakin langkah ini secara tidak langsung dapat mengukuhkan kepercayaan orang ramai terhadap kerajaan dan institusi awam khususnya dalam amalan tadbir urus baik,” katanya.

MCW yakin langkah ini secara tidak langsung dapat mengukuhkan kepercayaan orang ramai terhadap kerajaan dan institusi awam khususnya dalam amalan tadbir urus yang baik

Jais Abdul Karim,
Presiden MCW

